

Oleh Noor Azlina Zainudin
azlina_zai@com.my

► Kuala Lumpur

Gejala vandalisme yang sering dikaitkan dengan golongan remaja bukanlah suatu isu baharu di Malaysia, bahkan berlaku di seluruh dunia dan dilihat semakin menjadi-jadi berikutan kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan untuk sama-sama membasminya.

Menurut laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), vandalisme ditakrifkan sebagai perbuatan membinasakan atau merosakkan harta benda awam atau persendirian.



Kamus Oxford Advanced Learner's pula mentakrifkan vandalisme sebagai willfully destroy or damage (public property) atau dengan sengaja memusnah atau merosakkan (harta benda awam).

○ Lihat M2

Hentikan Vandalisme

Tabiat buruk itu juga berlaku di sekolah
sehingga kerajaan terpaksa membelanjakan
sejumlah wang yang besar bagi memperbaiki
peralatan yang rosak

**SELAMAT MENDUDUKI PEPERIKSAAN PMR
KEPADA PEMBACA MINDA**





Penghadang tepi jambatan turut menjadi mangsa vandalisme.

Bekas tapak kasut pelajar pada dinding mencemarkan persekitaran sekolah.

Gejala vandalisme sebagai medium protes

Dari muka 1

Vandal pula disebut sebagai person who willfully destroys or damage works of art, public and private property, the beauties of nature, etc atau orang yang sengaja memusnah atau merosakkan kerja seni, harta benda awam dan swasta, keindahan alam semula jadi dan lain-lain.

Satu daripada cara melepaskan geram

Tabiat buruk ini bukan sahaja dilakukan di tempat awam tetapi juga di sekolah sehingga menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan sejumlah wang yang besar setiap tahun untuk memperbaiki atau menggantikan peralatan yang rosak.

Di sekolah, gejala vandalisme dalam kalangan pelajar biasanya melibatkan perbuatan merosakkan kerusi, meja, pintu, tingkap, sinki dan paip, tandas, kerusi rehat, pasu bunga, telefon awam, menconteng dinding serta membuang sampah merata-rata.

Pelajar cenderung untuk melakukan vandalisme sebagai satu daripada cara melepaskan geram, terpengaruh dengan ajakan rakan sebaya dan sikap tidak sayang kepada harta benda sekolah yang dianggap sebagai bukan hak milik mereka.

Memang agak mustahil untuk menghapuskan budaya vandalisme tetapi pihak sekolah boleh menjalankan pelbagai aktiviti dari semasa ke semasa untuk mengurangkan masalah ini.

Jika tidak dikawal dari peringkat awal, golongan remaja ini mungkin cenderung untuk terus melakukan aktiviti yang sama di luar sekolah sehingga boleh menyebabkan kerosakan harta benda awam yang lebih serius.



Dr Ramlan

Tabiat buruk ini sebagai medium protes

Pensyarah, Jabatan Ilmu Pendidikan, Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik, Dr Ramlan Hamzah,

berkata punca berlakunya gejala vandalisme dalam kalangan pelajar boleh dibahagikan kepada tiga aspek iaitu diri sendiri, persekitaran dan pihak lain yang boleh menjadi model.

Dari aspek diri sendiri, katanya, pelaku vandalisme mungkin merasakan bahawa perbuatan itu tidak salah, mungkin boleh dilakukan atau tahu tetapi sengaja melakukannya atas dasar suka-suka atau ingin menunjukkan.

"Ada juga yang melakukannya sebagai luahan rasa tidak puas hati atau berdendam kepada rakan. Malah, ada yang menjadikan tabiat itu sebagai medium protes kepada ibu bapa atau guru.

"Selain itu, pengaruh rakan sebaya dan media massa, perbuatan jiran tetangga serta didikan ibu bapa di rumah juga boleh menyumbang kepada merebaknya gejala vandalisme di sekolah," katanya.



Aktiviti melukis grafiti ialah medium terbaik untuk meluahkan perasaan dan menzahirkan kreativiti seni.



Telefon awam sering menjadi mangsa vandalisme.

Golongan yang cenderung untuk melakukan vandalisme:

- Pelajar cerdas yang tahu vandalisme ialah suatu kesalahan tetapi masih melakukannya dengan cara terancang dan tersusun. Biasanya secara sengaja dan tiada motif tertentu.
- Pelajar yang tidak tahu bahawa vandalisme ialah suatu kesalahan.
- Pelajar yang sengaja melakukan vandalisme.
- Pelajar yang ingin meraih perhatian daripada guru dan rakan-rakan.

Langkah-langkah mengatasi gejala vandalisme:

- Didikan secara berterusan di sekolah dengan cara sentiasa mengingatkan pelajar keburukan gejala vandalisme.
- Hukuman dan penguatkuasaan undang-undang yang ketat supaya menjadi teladan kepada orang lain.
- Peranan ibu bapa dalam memberi tunjuk ajar dan contoh yang baik kepada anak-anak tentang kepentingan menjaga harta benda sekolah dan awam.
- Sikap prihatin setiap anggota masyarakat dan peka terhadap apa yang berlaku di sekeliling mereka.
- Media massa boleh menyiar atau mengeluarkan rencana serta rancangan mengenai vandalisme.



Remaja turut melakukan kerosakan di taman permainan awam.



Sekolah terpaksa mengeluarkan belanja besar untuk membeli cat bagi memadamkan perkataan tidak baik yang diconteng pada dinding sekolah.